



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (23 OGOS 2022) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menyokong pendirian Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) tentang hukuman sebatan yang boleh dianggap keterlaluan dan bahawa Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) serta Jabatan Peguam Negara (AGC) sedang mengkaji hukuman alternatif bagi menggantikan hukuman tersebut yang pelaksanaannya dilihat keterlaluan.

SUHAKAM telah mengambil pelbagai langkah memperjuangkan penghapusan hukuman sebatan serta segala bentuk hukuman yang keterlaluan atau menjatuhkan maruah dan telah mengesyorkan kepada Kerajaan untuk memansuhkan semua undang-undang domestik yang membenarkan pelaksanaan hukuman sebatan seperti sebat dan rotan, yang mana ianya tidak selaras dengan prinsip hak asasi manusia antarabangsa.

SUHAKAM menyeru Kerajaan sebagai pihak yang berwajib untuk memastikan larangan sebarang bentuk penyiksaan dan segera melaksanakan langkah-langkah perlu di seluruh negara termasuk membangunkan Pelan Tindakan Pencegahan Penyiksaan, dengan mengambil kira tiga elemen yang berkaitan termasuk rangka kerja undang-undang yang melarang penyiksaan, pelaksanaan rangka kerja undang-undang yang berkesan dan mekanisme untuk memantau pelaksanaannya.

SUHAKAM mengulangi komitmennya untuk memerangi penyiksaan dan advokasi berterusan ke arah penyertaan kepada Konvensyen Menentang Penyiksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT) dan Protokol Pilihannya, dan larangan terhadap penyiksaan seperti yang termaktub dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 3 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948.

-TAMAT-

Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad
Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
23 Ogos 2022